

30/09/1998

Dewan Rakyat lulus tiga akta

KUALA LUMPUR, Selasa - Persidangan Khas Dewan Rakyat hari ini meluluskan pindaan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998 bertujuan meningkatkan ketelusan dalam pasaran saham serta memastikan semua saham hanya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), sekali gus mengharamkan transaksi di Central Limit Order Book (Clob).

Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998 pula digubal bagi mempertingkatkan tahap ketelusan dagangan saham, selain mempertingkatkan keupayaan penguatkuasaan BSKL untuk mengambil tindakan segera ke atas mana-mana pihak yang menyalahi kaedah-kaedahnya.

Sementara itu, Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998 pula bertujuan mempertingkatkan keupayaan Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk menguatkuasakan kesalahan undang-undang sekuriti.

Ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pindaan itu juga adalah bagi mencegah penyalahgunaan penama dengan menghendaki semua pegangan saham dibuat atas nama pemilik berkepentingan atau penama yang diberi kuasa.

Menurutnya, ia juga bermatlamat meningkatkan keupayaan penguatkuasaan badan pengawal selia bagi memastikan tindakan serta-merta dan berkesan diambil terhadap mereka yang melanggar kaedah atau undang-undang sekuriti.

"Selain itu, pindaan akta ini juga adalah untuk memberi sokongan undang-undang kepada pelbagai pindaan yang dibuat oleh BSKL, Securities Clearing Automated Network Services (Scans) dan Depositori Pusat Malaysia (MCD), berkuatkuasa mulai 1 September lalu.

"Matlamat akhir pindaan ini adalah untuk mengembalikan semula keyakinan pelabur terhadap pasaran saham negara," katanya yang juga Menteri Kewangan Pertama.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, pula ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998 berkata pindaan itu membolehkan penalti dinaikkan kepada RM1 juta berbanding RM250,000 sebelum ini, dengan kuantum penalti yang akan dikenakan perlu seimbang dengan kesalahan melanggar kaedah BSKL itu.

Menurutnya, penalti sedia ada dianggap tidak mencukupi dan gagal mencegah pelanggaran kaedah BSKL.

Selain itu, katanya, pengarah dan pegawai syarikat awam tersenarai yang pada masa ini tidak diwajibkan memberi kesan kepada kaedah-kaedah BSKL, kini dicadangkan mematuhi dan memberi kesan kepada kaedah itu.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, pindaan akta itu kelak akan membolehkan pengharaman dagangan luar pasaran seperti Clob yang beroperasi di Singapura.

Ketika membentangkan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998 pula, Mustapa berkata, pindaan itu dianggap perlu bagi meningkatkan kemampuan agensi kawal selia mengambil tindakan serta-merta terhadap mereka yang menyalahi undang-undang dan kaedah yang mentadbir industri sekuriti.

(END)